

**Asean Diseru Bentuk Pemimpin Masa Depan Kelas Dunia
Bernama
29 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Negara anggota Asean perlu meningkatkan potensi generasi muda masing-masing untuk memastikan pemimpin kumpulan serantau itu pada masa akan datang terdiri daripada mereka yang mencapai taraf dunia serta mampu bersaing di persada global.

Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata beliau yang kaya dengan maklumat serta berpengetahuan tinggi akan menjadi aset negara.

Dalam konteks Malaysia, kata beliau, kerajaan secara jelas memberi penekanan terhadap pembangunan modal insan -- untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran, responsif dan kreatif, sejajar dengan perubahan ekonomi yang kini menjadikan ilmu pengetahuan dan E-ekonomi sebagai komponen terasnya.

Rais berkata demikian dalam ucapannya pada Kuiz Asean Peringkat Kebangsaan 2012 di Angkasapuri di sini Selasa. Teks ucapan beliau dibaca timbalan menteri berkenaan Datuk Joseph Salang.

Rais berkata Kuiz Asean membantu melahirkan kesedaran dan meningkatkan kefahaman tentang peranan serta fungsi Asean.

Kata beliau, selain membolehkan pelajar mendapat maklumat tentang isu semasa dan serantau Asean, pertandingan itu juga adalah cara terbaik untuk menyemai tabiat membaca dalam diri mereka.

"Program ini juga didapati membolehkan pelajar bersaing secara kondusif, dalam semangat kebangsaan dan persaudaraan serantau yang sebenar," katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Salang berkata beliau yakin lebih ramai pelajar luar bandar akan menyertai pertandingan itu pada masa akan datang dengan wujudnya kemudahan capaian jalur lebar di sekolah, termasuk yang disediakan kementerian itu.

Kata beliau Kuiz Asean boleh membantu menghapuskan sempadan dalam kalangan generasi muda di rantau ini dan membantu melahirkan keluarga Asean.

Pada pertandingan hari ini, Brandon Ling Kei Chai dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Methodist, Sibu, diisytiharkan juara. Rakan sedarjahnya Emilia Muhd Arif Stephen, muncul naib johan, manakala Nabil Erysyad Noor Eddie Putera dari Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya, menduduki tempat ketiga.

Mereka akan mewakili Malaysia pada Kuiz Asean 2012 peringkat rantau di Kemboja Ogos ini.

Kira-kira 7,700 pelajar berusia antara 15 dan 17 tahun menyertai pertandingan peringkat kebangsaan tahun ini, yang memerlukan mereka menjawab soalan secara dalam talian.

Kuiz Asean adalah antara aktiviti yang dilaksanakan di bawah seliaan Jawatankuasa Asean Mengenai Kebudayaan dan Penerangan (Asean COCI).

Pertandingan kali pertama berlangsung di Bangkok pada 2002. Malaysia menjadi tuan rumah pertandingan itu pada 2006.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=669487>